

KEBERKESANAN SLAID PENGAJARAN KREATIF BERASASKAN CANVA DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN GEOGRAFI

Effectiveness of Canva-Based Creative Teaching Slides in Enhancing Geography Mastery

NURUL AMALIN FATIAH KAMARUL ZAMAN¹, NIK NORLIATI FITRI MD NOR^{2*}, SITI MASAYU ROSLIAH ABDUL RASHID³ & IZHAM MOHAMAD YUSOFF⁴

^{1,2,3,4}Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.

*Corresponding author Nik Norliati Fitri Md Nor. emel: nikfitri@usm.my

Received 10 Mac 2025; Revised: 25 April 2025; Accepted: 15 May 2025; Published: 1 June 2025

To cite this article: Nurul Amalin Fatiah, K. Z., Nik Norliati Fitri, M. N., Siti Masayu Rosliah, A. R., & Izham, M. Y. (2025). Keberkesanan slaid pengajaran kreatif berasaskan canva dalam meningkatkan penguasaan Geografi. *GEOGRAFI*, 13(1), 30-46. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol13.1.3.2025>

ABSTRAK Kajian ini meneliti keberkesanan penggunaan aplikasi Canva dalam penghasilan slaid pengajaran yang menarik serta impaknya terhadap pemahaman dan minat pelajar dalam kursus Pengantar Geografi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik yang melibatkan 179 orang pelajar dari Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Responden dipilih secara persampelan bertujuan dan instrumen kajian merangkumi soalan tertutup serta terbuka untuk menilai persepsi mereka terhadap penggunaan Canva. Data dianalisis menggunakan perisian R, dengan analisis deskriptif bagi data kuantitatif dan analisis tematik untuk respons terbuka. Hasil kajian menunjukkan bahawa 73.18 peratus pelajar menyatakan slaid pengajaran berasaskan Canva membantu pemahaman mereka, manakala 96.65 peratus pelajar menyatakan ia meningkatkan minat dan penglibatan mereka dalam kelas atas talian. Kombinasi imej, video, audio, grafik, warna yang sesuai dan pemilihan jenis tulisan memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat dengan lebih jelas dan menarik. Penggunaan slaid yang interaktif dan visual yang efektif membantu mengekalkan perhatian pelajar sepanjang pembelajaran. Kesimpulannya, penggunaan Canva dalam penghasilan slaid pengajaran bukan sahaja meningkatkan pemahaman dan minat pelajar, malah menyokong keberkesanan pembelajaran secara atas talian dengan lebih interaktif dan menarik.

Kata kunci: Aplikasi Canva, slaid pengajaran, Pendidikan Jarak Jauh, pemahaman pelajar, minat pelajar.

ABSTRACT *This study examines the effectiveness of using Canva in creating engaging teaching slides and its impact on students' understanding and interest in the Introduction to Geography course. The study employs a quantitative approach through a survey method, involving 179 students from the School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia. Respondents were selected using purposive sampling, and the survey instrument consisted of both closed-ended and open-ended questions to assess their perceptions of Canva's effectiveness. Data were analyzed using R software, applying descriptive analysis for quantitative data and thematic analysis for open-ended responses. The findings indicate that 73.18 percent of students reported that Canva-based teaching slides improved their understanding, while 96.65 percent of students stated that the slides enhanced their interest and engagement during online classes. The combination of images, videos, audio, graphics, appropriate colours and font selection played a crucial role in presenting information more clearly and attractively. The use of interactive slides with effective visuals helped sustain students' attention throughout the learning process. In conclusion, the use of Canva in creating teaching slides not only enhances students' understanding and interest but also improves the effectiveness of online learning by making it more interactive and engaging.*

Keywords: Canva application, teaching slides, distance education, student understanding, student interest.

1. Pengenalan

Pembelajaran atas talian telah digunakan selama beberapa dekad dan penggunaannya semakin meningkat sejak pandemik Covid-19 melanda (Salas-Pilco et al., 2022). Pembelajaran atas talian memperkenalkan pelbagai cabaran kepada pendidik dan pelajar, terutama dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran kekal menarik serta efektif. Salah satu cabaran utama dalam pembelajaran atas talian untuk mengekalkan minat pelajar sepanjang sesi pembelajaran, memandangkan ketiadaan interaksi bersemuka sering menyebabkan penurunan tumpuan atau "*mind wondering*" (Kohan et al., 2017; Mat Daud et al., 2022). Bagi menangani cabaran ini, penggunaan alat bantu visual yang kreatif telah menjadi salah satu pendekatan penting. Elemen visual yang menarik bukan sahaja dapat meningkatkan perhatian pelajar tetapi juga membantu mereka memahami kandungan pembelajaran dengan lebih baik (Beeland Jr, 2002), sekaligus membuktikan kaedah pengajaran mempengaruhi adalah faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pembelajaran atas talian (Ismail et al., 2023).

Salah satu platform yang mendapat perhatian dalam kalangan pendidik untuk tujuan penyediaan bahan pengajaran yang inovatif dan interaktif adalah Canva. Canva ialah syarikat perisian Australia yang menawarkan platform reka bentuk grafik untuk membuat slaid, poster, video, produk promosi, kad, infografik dan banyak lagi (Lancet & Zukerman, 2023). Canva menawarkan pelbagai plan dan harga antaranya *Canva AI Magic Studio*, *Canva Templates*, *Canva Creators*, *Canva Pro*, *Canva Teams*, *Canva Enterprise*,

Canva for Education, dan *Canva for Nonprofits*. Langganan *Canva Teams* khususnya menawarkan akses eksklusif kepada lebih 4.5 juta templat serta lebih 130 juta elemen reka bentuk seperti gambar, grafik, video, audio serta jenis tulisan (*font*). Dengan pelbagai reka bentuk grafik yang menarik, platform ini bukan sahaja dapat meningkatkan kreativiti pendidik dalam menghasilkan bahan pengajaran, tetapi juga membantu menjimatkan masa dengan menyediakan alat dan sumber yang memudahkan proses penyediaan bahan pembelajaran yang menarik dan interaktif (Muhajir et al., 2024; Nasution et al., 2023).

Selain itu, hasil bahan pengajaran daripada penggunaan Canva yang menarik dapat membantu mengekalkan perhatian pelajar dan meningkatkan motivasi pembelajaran mereka (Dmitrenko et al., 2024; Pelangi & Syarif, 2020). Penggunaan Canva dalam pengajaran semakin meluas antaranya untuk mengembangkan kemahiran penulisan (Dmitrenko et al., 2024; Fauziyah et al., 2022; Sartika et al., 2022), pembangunan media pembelajaran Program Ekonomi (Mulasiwi & Kholifaturrohmah, 2023), literasi visual (Catubig et al., 2024) dan boleh digunakan untuk menghasilkan peta dalam pengajaran geografi kepada pelajar sekolah menengah (Bondarenko et al., 2019).

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada keberkesanan penghasilan slaid pengajaran yang menarik menggunakan aplikasi Canva dalam membantu pemahaman pelajar terhadap topik yang diajar bagi kursus Pengantar Geografi. Kursus ini secara amnya memperkenalkan pelajar kepada konsep-konsep dan pendekatan asas dalam bidang geografi, khususnya yang melibatkan hubungan antara manusia dan alam sekitar. Kajian ini menumpukan kepada kombinasi elemen-elemen seperti imej, video, audio, grafik, warna dan jenis tulisan (*font*) yang sesuai untuk menghasilkan slaid pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan. Dengan menggunakan elemen-elemen ini, konsep-konsep geografi yang abstrak, seperti interaksi sistem bumi dan peta, dapat disampaikan dengan lebih jelas dan mudah difahami. Kajian ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan kualiti pembelajaran atas talian melalui penggunaan teknologi yang mudah diakses dan mesra pengguna. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada para pendidik dalam mencipta bahan pengajaran yang inovatif, sekaligus menyokong pengalaman pembelajaran pelajar yang lebih efektif dan menarik.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melaksanakan tinjauan serta pengedaran borang soal selidik kepada responden bagi memperoleh data serta pandangan pelajar berkaitan penggunaan aplikasi Canva dalam usaha meningkatkan kefahaman dan minat pelajar, khususnya dalam kursus Pengantar Geografi.

2.1 Responden

Responden yang menjadi fokus kajian ini adalah seramai 179 orang pelajar di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia yang mengambil kursus Pengantar Geografi. Pengumpulan data untuk kajian ini dijalankan selepas tamat Sidang Akademik 2023/2024 bagi mendapatkan maklum balas pelajar.

2.2 Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan borang soal selidik iaitu responden perlu mengisi borang melalui pautan *Google Forms* yang telah disediakan. *Google Forms* digunakan sesuai dengan responden sasaran iaitu pelajar yang terlibat dalam pembelajaran sepenuhnya secara *Open and Distance Learning (ODL)*. Keadaan ini memastikan bahawa penggunaan *Google Forms* sebagai alat pengumpulan data adalah sejajar dengan pengalaman dan kapasiti pelajar dalam pembelajaran mereka. Struktur borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: Bahagian A menumpukan kepada maklumat demografi responden, Bahagian B memberi fokus kepada dapatan keberkesanan penggunaan aplikasi Canva dalam slaid pengajaran dan Bahagian C memberi ruang kepada responden untuk berkongsi pandangan mengenai penggunaan Canva dalam penghasilan slaid pengajaran kursus Pengantar Geografi.

2.3 Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dijalankan menggunakan perisian R. Data yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis secara kuantitatif. Soalan yang melibatkan skala Likert, analisis frekuensi dan peratusan dilakukan untuk menentukan kecenderungan responden terhadap penggunaan aplikasi Canva. Manakala untuk soalan terbuka (*open-ended question*), analisis tematik digunakan bagi mengenal pasti tema utama yang timbul dalam komen responden. Semua analisis dilakukan dengan menggunakan kod dan fungsi dalam perisian R untuk memastikan keputusan yang tepat dan terperinci. Jadual 1 menyenaraikan pakej R yang digunakan untuk menjalankan analisis kuantitatif dalam kajian ini.

Jadual 1.

Pakej R yang digunakan untuk analisis data dan fungsinya

Pakej	Fungsi
<i>dplyr</i>	digunakan untuk manipulasi data, seperti penyaringan, pengelompokan, dan agregasi data.
<i>tidyr</i>	membantu dalam menguruskan data dalam bentuk yang lebih teratur.
<i>tidytext</i>	digunakan untuk analisis teks, seperti mengira frekuensi perkataan dan sentimen.
<i>wordcloud2</i>	membuat visualisasi word cloud untuk melihat perkataan yang paling kerap digunakan dalam komen pelajar.

Bagi soalan terbuka (komen pelajar), *word cloud* digunakan untuk menyusun kata kunci daripada komen responden berdasarkan kekerapan perkataan atau peraturan tertentu. Dalam proses ini, perkataan umum seperti "dan", "adalah", "atau", "dengan", "yang", "saya", "untuk", "ini", "oleh", "sangat", "tidak", "dalam" dan "juga" dikecualikan bagi memastikan hanya kata kunci yang relevan dan bermakna disertakan. Perkataan-perkataan ini kemudian diatur mengikut pola tertentu dan divisualisasikan menggunakan atribut grafik seperti saiz, warna dan tulisan, memberikan gambaran visual yang jelas mengenai tema utama yang muncul dalam data (Huang et al., 2019). Visualisasi ini memberi gambaran umum mengenai perkataan yang muncul dengan kekerapan tertinggi, yang mana dapat membantu dalam mengenal pasti tema-tema utama yang dibincangkan oleh pelajar.

Seterusnya, analisis tematik dijalankan untuk mengklasifikasikan komen pelajar ke dalam tema-tema utama berdasarkan kandungan komen tersebut, seperti kreativiti, kemudahan penggunaan dan keberkesanan pengajaran. Setiap komen dikategorikan mengikut tema yang relevan dan jumlah komen untuk setiap tema dikira (Mohamad & Abdullah, 2018). Sebagai langkah susulan, sampel komen di bawah setiap tema diteliti secara manual bagi memastikan ketepatan pengelompokan tersebut. Komen-komen yang didapati tidak sesuai atau tidak mencerminkan tema yang dimaksudkan dipindahkan ke kategori 'lain-lain' atau dikelompokkan semula ke dalam tema yang lebih relevan. Melalui pendekatan ini, kajian ini dapat memberikan pandangan mendalam mengenai persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi Canva sebagai alat bantu pengajaran dalam kursus Pengantar Geografi, dengan menekankan aspek-aspek yang memberi impak positif kepada pengalaman pembelajaran mereka.

3. Hasil Kajian dan Perbincangan

3.1 Maklumat Demografi Responden

Maklumat demografi responden kajian merangkumi latar belakang peserta yang terdiri daripada 179 orang pelajar Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia, yang mengikuti kursus Pengantar Geografi. Data demografi ini meliputi aspek seperti jantina, tahun pengajian dan status pengkhurusan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2.*Maklumat demografi responden*

Tahun Pengajian	Jantina	Status kursus	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Tahun 1	Lelaki	Kursus ini diambil kerana ia adalah keperluan wajib bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera	8	4.47
		Minor Geografi	6	3.35
	Perempuan	Kursus ini diambil kerana ia adalah keperluan wajib bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera	24	13.41
		Minor Geografi	5	2.79
Tahun 2	Lelaki	Kursus ini diambil kerana ia adalah keperluan wajib bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera	1	0.56
		Major Geografi	8	4.47
		Minor Geografi	60	33.52
	Perempuan	Major Geografi	2	1.12
		Minor Geografi	21	11.73
Tahun 3	Lelaki	Kursus ini diambil kerana ia adalah keperluan wajib bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera	1	0.56
		Major Geografi	7	3.91
		Minor Geografi	1	0.56
	Perempuan	Major Geografi	3	1.68
		Minor Geografi	1	0.56
Tahun 4	Lelaki	Major Geografi	16	8.94
		Minor Geografi	1	0.56
	Perempuan	Major Geografi	10	5.59
Tahun 5	Lelaki	Major Geografi	2	1.12
		Minor Geografi	1	0.56
	Perempuan	Minor Geografi	1	0.56
Jumlah			179	100.00

Dari segi jantina, majoriti responden adalah lelaki, seramai 112 orang (62.58 peratus), manakala selebihnya terdiri daripada responden perempuan, iaitu 67 orang (37.42 peratus). Bagi tahun pengajian, sebahagian besar responden berada di Tahun 2, dengan jumlah 92 orang, menunjukkan penyertaan responden yang sudah mempunyai pengalaman asas dalam program akademik mereka. Pemilihan sampel kajian ini adalah

berdasarkan kriteria representasi populasi pelajar dalam program tersebut, yang mempunyai latar belakang akademik dan tahap pengalaman berbeza.

Dari aspek bidang pengkhususan, pelajar yang mengambil bahagian mempunyai latar belakang akademik yang pelbagai. Seramai 97 orang (67.58 peratus) adalah pelajar dengan Minor Geografi, manakala 48 orang (26.83 peratus) merupakan pelajar dengan Major Geografi. Selain itu, 34 orang (5.59 peratus) responden mengambil kursus ini kerana ia merupakan keperluan wajib bagi program Ijazah Sarjana Muda Sastera. Kepelbagaian ini membolehkan pemerhatian yang lebih holistik terhadap persepsi terhadap penggunaan aplikasi Canva. Pelajar dengan tahap pengkhususan yang berbeza mungkin menunjukkan variasi penerimaan berdasarkan pengalaman dan keperluan akademik mereka.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan kepelbagaian dalam latar belakang demografi responden, menyumbang kepada analisis yang lebih komprehensif untuk menilai keberkesanan penggunaan aplikasi Canva dalam pembelajaran Geografi.

3.2 Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Canva dalam Penghasilan Slaid Pengajaran

Berdasarkan data yang diperoleh mengenai pendapat responden terhadap keberkesanan slaid pengajaran menggunakan aplikasi Canva dalam membantu meningkatkan pemahaman pelajar, beberapa kesimpulan dapat dibuat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3.

Keberkesanan slaid pengajaran menggunakan aplikasi Canva dalam meningkatkan pemahaman pelajar

Perkara	Respon	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Adakah slaid pengajaran dengan menggunakan aplikasi CANVA membantu anda meningkatkan pemahaman mengenai sesuatu topik yang diajar?	Saya tidak pasti	2	1.12
	Tidak, ia tidak membantu saya memahami dengan baik tentang sesuatu topik yang diajar.	2	1.12
	Ya, sangat membantu saya memahami dengan baik tentang sesuatu topik yang diajar.	131	73.18
	Ya, sedikit sebanyak membantu saya memahami dengan baik tentang sesuatu topik yang diajar.	44	24.58
Jumlah		179	100.00

Majoriti responden, iaitu 73.18 peratus (131 orang), menyatakan bahawa slaid pengajaran yang menggunakan aplikasi Canva sangat membantu mereka memahami dengan baik tentang topik yang diajar. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar merasakan bahawa aplikasi ini meningkatkan kefahaman mereka, disebabkan elemen visual menarik dan reka bentuk slaid yang lebih kreatif dan interaktif. Hasil dapatan ini selari dengan kajian daripada Sakti et al., (2022) yang mendapati bahawa penggunaan media pembelajaran berasaskan Canva dalam program pengajian Fizik dinilai menarik, mudah digunakan, mampu meningkatkan motivasi untuk mempelajari bahan, serta mudah difahami oleh pelajar.

Manakala, 24.58 peratus (44 orang) berpendapat bahawa aplikasi Canva membantu mereka memahami dengan baik tentang topik yang diajar. Walaupun tidak memberikan impak yang sangat besar, penggunaan aplikasi ini masih memberi manfaat kepada pelajar dalam memahami topik, mungkin disebabkan oleh ciri-ciri aplikasi yang memudahkan pemahaman melalui visualisasi yang lebih jelas. Namun, terdapat 2 responden (1.12 peratus) yang tidak pasti dan 2 responden lagi (1.12 peratus) yang merasakan bahawa penggunaan Canva tidak membantu mereka memahami topik dengan baik. Ini menunjukkan bahawa masih ada segelintir pelajar yang kurang merasa kesan positif daripada penggunaan aplikasi ini. Faktor-faktor lain seperti gaya pembelajaran individu, masalah teknikal, atau kurangnya pemahaman dalam penggunaan aplikasi mungkin menyumbang kepada respons ini.

Seterusnya, berdasarkan data yang diperoleh mengenai persepsi responden terhadap aspek visual slaid pengajaran yang digunakan dalam kursus ini, beberapa penemuan penting dapat disimpulkan seperti yang diperincikan dalam Jadual 4.

Jadual 4.

Penilaian terhadap aspek visual pembentangan slaid pengajaran

Perkara	Respon	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Sejauh manakah persembahan slaid pengajaran yang digunakan adalah menarik secara visual?	Sangat menarik	157	87.71
	Saya tidak perasan aspek visual	1	0.56
	Sederhana menarik	19	10.61
	Tidak menarik sama sekali	2	1.12
Jumlah		179	100.00

Hasil daripada soal selidik ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden, iaitu 87.71 peratus (157 pelajar), merasakan bahawa persembahan slaid pengajaran menggunakan aplikasi Canva adalah sangat menarik secara visual. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar berpendapat bahawa reka bentuk dan elemen visual yang digunakan dalam slaid memberi kesan yang positif dan menarik perhatian mereka, yang

mungkin menyumbang kepada peningkatan minat dan pemahaman terhadap topik yang diajar.

Terdapat 10.61 peratus (19 orang) responden yang merasakan persembahan slaid pengajaran itu sederhana menarik, yang menunjukkan bahawa walaupun mereka mengakui ada elemen visual yang menarik, ia tidak memberikan impak yang sangat besar terhadap pengalaman pembelajaran mereka. Manakala, hanya 0.56 peratus (1 orang) responden yang menyatakan bahawa mereka tidak perasan aspek visual slaid tersebut, dan 1.12 peratus (2 orang) responden yang merasakan slaid tersebut tidak menarik sama sekali. Ini menunjukkan bahawa sebahagian kecil pelajar mungkin tidak memberi perhatian kepada aspek visual atau mungkin kurang terpengaruh dengan reka bentuk visual yang digunakan dalam slaid pengajaran.

Jadual 5 menunjukkan pendapat responden terhadap kesesuaian visual atau imej yang digunakan dalam slaid pengajaran dengan topik yang diajar. Majoriti responden, iaitu 97.77 peratus (175 orang), menyatakan bahawa visual atau imej yang digunakan dalam slaid pengajaran adalah relevan dan sesuai dengan topik yang diajar. Ini menunjukkan bahawa penggunaan imej dan elemen visual dalam slaid pengajaran adalah sangat efektif dalam menyampaikan maklumat dengan cara yang mudah difahami dan menarik bagi pelajar. Penggunaan visual yang tepat bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran tetapi juga membantu pelajar untuk lebih mudah menghubungkan konsep-konsep abstrak dengan imej yang mereka lihat.

Jadual 5.

Kesesuaian visual atau imej dalam slaid pengajaran

Perkara	Respon	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Adakah visual atau imej yang digunakan dalam slaid pengajaran relevan dan sesuai dengan sesuatu topik yang diajar?	Tidak	4	2.23
	Ya	175	97.77
Jumlah		179	100.00

Sebaliknya, hanya 2.23 peratus (4 orang) berpendapat bahawa visual atau imej yang digunakan tidak relevan atau tidak sesuai dengan topik yang diajar. Kumpulan ini mungkin menghadapi masalah dengan konteks imej yang kurang tepat atau mungkin tidak dapat mengaitkan imej dengan kandungan yang diajar. Ini mencadangkan bahawa walaupun visual umumnya diterima dengan baik, ada ruang untuk meningkatkan kesesuaian dan keterkaitan imej dengan topik tertentu.

Jadual 6.


Analisis keberkesanan pembentangan slaid pengajaran menarik dalam meningkatkan minat dan pemahaman pelajar

Perkara	Respon	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Adakah pembentangan slaid pengajaran yang menarik telah mengekalkan minat dan penglibatan anda sepanjang sidang Webex dijalankan?	Tidak	6	3.35
	Ya	173	96.65
Jumlah		179	100.00
Secara keseluruhan, adakah anda percaya bahawa persembahan slaid pengajaran yang menarik menyumbang kepada pemahaman anda tentang sesuatu topik yang diajar?	Tidak	6	3.35
	Ya	173	96.65
Jumlah		179	100.00

Dapatan daripada Jadual 6 menunjukkan bahawa 96.65 peratus (173 orang) responden berpendapat bahawa pembentangan slaid pengajaran yang menarik berjaya mengekalkan minat dan penglibatan mereka sepanjang sesi Webex dijalankan. Majoriti responden lelaki (108 orang) dan perempuan (65 orang) bersetuju bahawa pembentangan yang menggunakan slaid menarik mempunyai impak yang positif terhadap perhatian dan keterlibatan pelajar semasa pembelajaran dalam talian. Pernyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Mardhiah & Akbar (2018), yang menyatakan keberkesanan pembelajaran boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk kaedah pembelajaran, motivasi, tumpuan, dan kualiti bahan pembelajaran. Begitu juga, dalam soal sama ada pembentangan slaid pengajaran yang menarik menyumbang kepada pemahaman pelajar mengenai topik yang diajar, 96.65 peratus (173 orang) responden bersetuju bahawa persembahan slaid yang menarik memberi kesan yang positif terhadap pemahaman mereka. Ini mencadangkan bahawa elemen visual yang menarik dalam pembentangan memberi sumbangan besar dalam memperjelas dan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap topik yang dibincangkan.

Namun, terdapat 6 responden (3.35 peratus) yang tidak merasakan bahawa slaid pengajaran yang menarik memberi kesan positif dalam mengekalkan minat dan penglibatan mereka, serta dalam meningkatkan pemahaman mereka terhadap topik. Walaupun bilangan ini kecil, ia mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kaedah pembelajaran yang berbeza atau cabaran teknikal yang dihadapi oleh sesetengah pelajar. Berdasarkan word cloud dalam Rajah 1, beberapa perkataan muncul dengan frekuensi yang tinggi, yang mencerminkan tema-tema utama atau fokus utama dalam komen pelajar. Antara perkataan yang paling ketara adalah “menarik”, “mudah”,

(20.61 peratus), menunjukkan bahawa pelajar sangat menghargai elemen visual yang menarik dalam slaid pengajaran. Komen-komen yang diberi menunjukkan bahawa pelajar merasakan aplikasi Canva memberikan nilai tambah dengan menyampaikan maklumat secara visual yang menarik dan mudah difahami. Hal ini menunjukkan bahawa aplikasi Canva dapat meningkatkan tahap kreativiti dalam penyampaian bahan pembelajaran, menjadikannya lebih berkesan dalam menarik perhatian pelajar dan memudahkan pemahaman mereka terhadap isi kandungan yang diajar.



Rajah 2. Bilangan komen pelajar yang dikategorikan berdasarkan tema utama melalui analisis tematik.

Seterusnya, tema **Kemudahan Penggunaan** pula mendapat 13 komen (9.92 peratus), yang menunjukkan bahawa pelajar menghargai kemudahan yang ditawarkan oleh aplikasi ini. Komen-komen yang diberi menunjukkan bahawa Canva dianggap sebagai aplikasi yang mesra pengguna, dengan pelbagai pilihan templat dan alat yang memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Pelajar juga menganggap aplikasi ini sebagai platform yang membolehkan mereka menghasilkan slaid yang interaktif dengan lebih mudah tanpa memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Manakala, tema **Keberkesanan Pengajaran** mencatatkan 38 komen (29.01 peratus), iaitu pelajar menilai bahawa penggunaan Canva dalam pengajaran sangat berkesan. Komen-komen yang diberi (rujuk Jadual 7) menggambarkan bahawa aplikasi ini berjaya menarik minat pelajar dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap topik yang diajar, terutamanya dalam konteks Geografi. Pelajar mengakui bahawa infografik yang dihasilkan menggunakan Canva membantu mereka untuk memahami konsep-konsep yang lebih kompleks dengan cara yang lebih visual dan mudah difahami. Selain itu, komen mengenai infografik dan padanan slaid dengan isu-isu persekitaran menunjukkan

bahawa pelajar menghargai pengajaran yang disampaikan dengan cara yang lebih interaktif.

Jadual 7.

Tema utama daripada komen pelajar, bilangan dan peratusan komen, serta contoh petikan komen bagi setiap tema yang dikenal pasti.

Tema	Bilangan komen	Peratus (%)	Contoh komen
Kreativiti	28	21.54	1. <i>"Menarik dan informatif."</i> 2. <i>"Grafik yang sangat menarik, berwarna-warni, mempunyai info ringkas dan padat"</i> 3. <i>"Slaid yang dibuat melalui aplikasi Canva menarik, ringkas dan mudah difahami."</i>
Kemudahan Penggunaan	13	10.00	1. <i>"Mudah digunakan, terdapat banyak pilihan percuma dan berbayar."</i> 2. <i>"Terbaik. Memudahkan proses pembelajaran dengan lebih efektif."</i> 3. <i>"Lebih memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan adanya infografik ringkas. Penggunaan Canva banyak membantu kerana telah disediakan banyak templete serta aplikasi yang mudah untuk digunakan."</i>
Keberkesanan pengajaran	46	35.38	1. <i>"Aplikasi yang digunakan sangat menarik dan membantu memudahkan sesi pembelajaran."</i> 2. <i>"kandungan slaid canva yang sangat menarik minat untuk membaca dan menghafal nota"</i> 3. <i>"Saya sangat berpuas hati dengan cara pengajaran yang diberikan oleh Dr.Nik dimana menggunakan aplikasi canva. Semua yang disampaikan mudah difahami dan menarik minat saya untuk mendalami ilmu geografi."</i>

bersambung

			4. "...menambah minat saya dengan melihat secara terperinci berkaitan subjek Geografi melalui info grafik yang dipersembahkan dan padanan slide dengan isu-isu persekitaran"
Lain-lain	43	33.08	1. "menambah pengetahuan saya mengenai aplikasi ini kerana sebelum ini saya tidak tahu mengenai penggunaan aplikasi ini" 2. "bagi saya ia sangat membantu." 3. "Terbaik dan wajar diteruskan." 4. "Penggunaan aplikasi canva adalah sangat baik"
Jumlah	130	100.00	

Namun, terdapat juga kategori "lain-lain", yang merangkumi komen-komen umum dan positif seperti "terbaik" atau "sangat memuaskan", yang sukar untuk dikategorikan ke dalam tema tertentu. Komen dalam kategori ini adalah yang paling tinggi, mencatatkan sekitar 33.08 peratus daripada keseluruhan komen yang diterima. Kategori ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar memberikan maklum balas secara umum tanpa memberi perincian lanjut mengenai pengalaman mereka dengan aplikasi Canva. Ini mencadangkan bahawa aplikasi tersebut diterima secara positif, walaupun tidak semua pelajar memberikan maklum balas yang terperinci atau spesifik tentang aspek-aspek tertentu.

Meskipun hanya 130 daripada 179 responden memberikan komen bagi soalan terbuka, penemuan ini masih memberikan gambaran yang jelas mengenai pandangan pelajar mengenai aplikasi Canva. Secara keseluruhan, hasil tematik ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi Canva bukan sahaja meningkatkan kreativiti dan kemudahan dalam pengajaran, tetapi juga berkesan dalam meningkatkan minat dan kefahaman pelajar terhadap topik yang diajar.

4. Kesimpulan

Analisis mendapati bahawa slaid pengajaran yang dihasilkan dengan aplikasi Canva bukan sahaja mampu menarik minat pelajar, tetapi juga meningkatkan penglibatan mereka sepanjang sesi pembelajaran atas talian. Penggunaan elemen visual dan multimedia yang kreatif dapat membantu menyampaikan maklumat dengan lebih jelas, menarik perhatian pelajar, dan memudahkan mereka memahami isi kandungan pembelajaran dengan lebih mendalam.

Selain itu, kemudahan penggunaan aplikasi Canva, yang menyediakan pelbagai templat dan alat reka bentuk, membolehkan pensyarah menghasilkan slaid yang profesional tanpa memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Ini secara tidak langsung menjimatkan masa dan tenaga, sambil memastikan kandungan pengajaran disampaikan secara berkesan. Tambahan pula, maklum balas pelajar yang menyatakan bahawa persembahan slaid ini membantu meningkatkan pemahaman mereka mengesahkan bahawa Canva mampu menjadi alat pembelajaran yang inovatif dan relevan dalam konteks pendidikan digital masa kini.

Secara keseluruhan, penemuan kajian ini menunjukkan potensi besar aplikasi Canva dalam memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, khususnya dalam era pembelajaran hibrid dan atas talian. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada pendidik untuk terus meneroka teknologi lain yang berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran di masa hadapan.

Bagi memperkaya lagi pemahaman dalam bidang ini, kajian lanjut dicadangkan untuk menilai keberkesanan pelbagai alat pembelajaran digital lain, seperti Genially, Google Slides, Prezi atau Padlet untuk melihat sejauh mana variasi alat ini memberi kesan kepada keberkesanan pembelajaran. Di samping itu, sasaran responden daripada pelbagai bidang pengajian, termasuk bidang Sains Sosial, Sains dan Teknologi penting untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai sejauh mana aplikasi ini mampu menarik minat pelajar dan membantu dalam penyampaian maklumat, sekali gus meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam konteks pembelajaran atas talian.

5. Penghargaan

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia atas peluang dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua responden kajian, khususnya para pelajar yang sudi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik serta berkongsi pandangan yang amat bernilai bagi penyelidikan ini. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada dunia akademik serta menjadi rujukan yang berguna bagi penyelidikan pada masa hadapan.

Sumbangan Penulis

Nurul Amalin Fatihah Kamarul Zaman & Nik Norliati Fitri Md Nor: Pengumpulan data, Perkonsepsian, Metodologi, semakan dan penyuntingan, Siti Masayu Rosliah & Izham Mohamad Yusoff: Visualisasi dan Pengumpulan data, penulisan draf.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian.

Penyataan Ketersediaan Data

Penulis mengesahkan bahawa data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia dalam artikel ini.

6. RUJUKAN

- Beeland Jr, W. D. (2002). Student engagement, visual learning and technology: can interactive whiteboards help? *Annual Conference of the Association of Information Technology for Teaching Education, Trinity College, Dublin*.
- Bondarenko, O. V, Pakhomova, O. V, & Zaselskiy, V. I. (2019). The use of cloud technologies when studying geography by higher school students. *ArXiv Preprint ArXiv:1909.04377*.
- Catubig, M. J. A., Kilat, R. V. B., Laurito, M. E., Patoc, T. M. T., & Valle, L. C. (2024). *Visual Literacy in the Lived Experiences of BSED Students in Utilizing Canva*. <https://doi.org/10.36941/jesr-2024-0090>
- Dmitrenko, N., Shkola, I., Saliuk, B., Panchenko, V., & Neshko, S. (2024). Canva Platform: Visual Content for Developing Writing Skills of Prospective Engineers in ESP Classes. *Environment. Technologies. Resources. Proceedings of the International Scientific and Practical Conference*, 2, 358–363. <https://doi.org/10.17770/etr2024vol2.8075>
- Fauziyah, N. L., Widodo, J. P., & Yappi, S. N. (2022). The use of 'Canva for Education' and the students' perceptions of its effectiveness in the writing procedure text. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 5(1). <https://doi.org/10.33258/birci.v5i1.4359>
- Huang, Y., Wang, Y., & Ye, F. (2019). A Study of the application of word cloud visualization in college english teaching. *International Journal of Information and Education Technology*, 9(2), 119–122. <https://doi.org/10.18178/ijiet.2019.9.2.1185>
- Ismail, I., Hasan, H. F. A., & Othman, M. Z. (2023). Factors Influencing Student Engagement in Open Distance Learning (ODL). *Sciences*, 13(6), 1862–1868. [10.6007/IJARBSS/v13-i6/17222](https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i6/17222)
- Kohan, N., Arabshahi, K. S., Mojtahedzadeh, R., Abbaszadeh, A., Rakhshani, T., & Emami, A. (2017). Self-directed learning barriers in a virtual environment: a qualitative study. *Journal of Advances in Medical Education & Professionalism*, 5(3), 116.
- Lancet, Y., & Zukerman, E. (2023). *Canva review: Free tool brings much-needed simplicity to design process*. PC World, <https://www.pcworld.com/article/449059/Canva-Review-Free-Tool-Brings-Much-Needed-Simplicity-to-Design-Process.html>.
- Mardhiah, A., & Akbar, S. A. (2018). Efektivitas media pembelajaran terhadap hasil belajar kimia siswa SMA Negeri 16 Banda Aceh. *Lantanida Journal*, 6(1), 49–58. [rg/10.22373/lj.v6i1.3173](https://doi.org/10.22373/lj.v6i1.3173)
- Mat Daud, S. S., Hassan, N., Zamri, N., Lokman, N., & Ramli, N. (2022). Exploring the Challenges and Experiences of Students in Online Distance Learning (ODL) during Covid-19 Pandemic. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i4/15317>
- Mohamad, M. Z., & Abdullah, A. H. (2018). Analisis tematik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) proses penulisan karangan argumentatif berasaskan KBAT:

- pemahaman dan amalan pedagogi guru Bahasa Melayu tingkatan empat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, 7, 8.
- Muhajir, M., Sarwendah, A., & bin Ibrahim, A. (2024). Utilization of Canva for education to improve learning effectiveness of vocational students. *Research and Development in Education (RaDEn)*, 4(1), 698–708. <https://doi.org/10.22219/raden.v4i1.32808>
- Mulasiwi, C. M., & Kholifaturrohmah, R. (2023). Evaluation Of The Utilization Of Canva Application By Students In The Development Of Learning Media In The Economics Education Study Program. *Proceeding of Midyear International Conference*, 2.
- Nasution, W. N., Halimah, S., & Mahriza, R. (2023). The influence of canva application learning media and learning motivation on students' Islamic religious education learning outcomes at Panca Budi elementary school, Medan. *International Journal of Research and Review*, 10(2), 772–783. <https://doi.org/10.52403/ijrr.20230292>
- Pelangi, G., & Syarif, U. (2020). Pemanfaatan aplikasi Canva sebagai media pembelajaran bahasa dan sastra Indonesia jenjang SMA/MA. *Jurnal Sasindo Unpam*, 8(2), 1–18. <https://doi.org/10.32493/sasindo.v8i2.79-96>
- Sakti, I., Idamayanti, R., & Agussalim, A. (2022). Pengembangan Media Pembelajaran Menggunakan Canva pada Mata Kuliah Fisika Dasar. *Phi: Jurnal Pendidikan Fisika Dan Terapan*, 7(2), 1–9. <http://dx.doi.org/10.22373/p-jpft.v7i2.13288>
- Salas-Pilco, S. Z., Yang, Y., & Zhang, Z. (2022). Student engagement in online learning in Latin American higher education during the COVID-19 pandemic: A systematic review. *British Journal of Educational Technology*, 53(3), 593–619. <https://doi.org/10.1111/bjet.13190>
- Sartika, D., Fitriati, S. W., Suwandi, S., & Pratama, H. (2022). Efektifitas pembelajaran menulis bahasa inggris menggunakan strategi sentence combining dengan aplikasi canva. *Prosiding Seminar Nasional Pascasarjana*, 5(1), 279–282.